

Aktiviti
Bisnes

Mahasiswa UMT timba pengalaman jadi usahawan

st# 30/09/07 pg-T16

KUALA TERENGGANU - Mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menimba banyak pengalaman baru dengan membuka gerai-gerai jualan sepanjang berlangsungnya pelbagai karnival di universiti berkenaan.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UMT, Mohd Hakimie Zainal Abidin berkata, mahasiswa yang turut serta dalam karnival tersebut dapat mempelajari perkara baru dalam bidang keusahawanan.

"Mereka dapat belajar selok-belok dunia perniagaan dan bersaing secara sihat dengan rakan-rakan yang lain.

"Selain itu, para pe-

ngunjung yang terdiri daripada mahasiswa UMT sendiri mungkin akan tertarik dengan penglibatan sahabat mereka dalam karnival ini dan secara tidak langsung dapat memupuk minat mereka untuk turut sama menceburi bidang keusahawanan," katanya.

Suara Sebenar
Orang Terengganu



MOHD HAKIMIE ZAINAL ABIDIN